

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Utusan Borneo

TARIKH : Jumaat, 25 Mac 2016

M/S : B14

B14 | **Utusan Borneo** | Jumaat, 25 Mac 2016

cmv ⊕
Iklan

Guna kemahiran literasi maklumat

► Saranan kepada semua penjawat awam

Oleh SADDAM EDRIS

TUARAN: Penjawat awam disaran agar menggunakan kemahiran literasi maklumat bagi menyalurkan sebarang maklumat yang benar dan sahih, khususnya melibatkan keputusan mahupun dasar yang dibawa oleh kerajaan.

Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Maizan Ismail berkata langkah itu penting diterapkan dalam kalangan penjawat awam agar masyarakat luar tidak mempersoalkan serta meragui maklumat yang disampaikan.

“Masyarakat kini lebih berpengetahuan dan mereka dilihat lebih kritikal dengan apa-apa maklumat yang dikeluarkan oleh kerajaan.

“Justeru, adalah amat penting bagi penjawat awam itu mendapatkan maklumat yang betul dan tepat untuk disalurkan kepada masyarakat,” katanya ketika ditemui pada Ceramah ‘Intan Executive Talk’ dalam memperkasakan penjawat awam melalui maklumat, di Kampus Intan Sabah kelmarin.

Maizan berkata kemahiran literasi maklumat ialah satu kebolehan dalam mengakses

dan menilai maklumat sahih dalam apa juga format bagi membuat pemilihan yang efektif daripada pelbagai sumber.

Katanya, kemahiran itu perlu dipupuk dari pelbagai peringkat sama ada di bangku sekolah rendah, menengah dan seterusnya ke peringkat universiti.

“Kita mendapat maklum balas daripada pihak universiti yang mengatakan bahawa setelah pelajar menuntut di institut pengajian tinggi (IPT), mereka kurang mahir dalam pencarian maklumat untuk membuat kerja kursus mahupun kajian.

“Jadi, kita perlu dedahkan mereka cara yang betul untuk mencari maklumat tepat yang diperolehi melalui kemahiran literasi maklumat itu sendiri, bermula dari peringkat awal

lagi,” katanya.

Selain itu, Maizan berkata menerusi kajian interim yang dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara, statistik pembacaan dalam kalangan masyarakat dilihat meningkat terutamanya pihak penjawat awam dan juga ahli akademik.

Justeru, pihaknya menyasarkan sebanyak 20 buku dalam setahun akan dibaca oleh setiap rakyat menjelang wawasan 2020.

Terdahulu, lebih 100 penjawat awam terdiri daripada pelbagai jabatan mahupun agensi di setiap kementerian mengikuti seminar berkenaan yang bermula seawal jam 8.30 pagi.

Hadir sama, Pengarah Wilayah Intan Sabah Jamaluddin Mohd Ali.



JAMALUDDIN (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Maizan (kanan) selepas memberi ceramah ‘Intan Executive Talk’ dalam memperkasakan penjawat awam melalui maklumat kepada penjawat awam, kelmarin.